

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepc>



**PENERAPAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN
KEPADA MURID BEKEPERLUAN PENDIDIKAN
KHAS DALAM MATA PELAJARAN KEMAHIRAN
VOKASIONAL SPESIFIK: SATU KAJIAN KES**

*IMPLEMENTATION OF ENTREPRENEURIAL SKILLS FOR STUDENTS
WITH SPECIAL EDUCATIONAL NEEDS IN SPECIFIC VOCATIONAL
SKILLS SUBJECTS: A CASE STUDY*

Azita Ali*, Muhammad Sukri Saud², Khairul Anuar Abdul Rahman³, Marlina Mohamad⁴


¹Department Vocational of Education, University Tun Hussein Onn Malaysia

 azita@uthm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-0602-3399>

²Department of Technical and Engineering Education, University Technology Malaysia

 p-sukri@utm.my


 <https://orcid.org/0000-0002-4048-0219>

³Department Faculty of Educational Sciences and Technology, University Technology Malaysia

 khairulanuar.ar@utm.my

 <https://orcid.org/0000-0002-4099-8720>

⁴Department Vocational of Education, University Tun Hussein Onn Malaysia

 marlina@uthm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-0863-752X>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.04.2026

Revised date: 18.05.2026

Accepted date: 31.05.2026

Published date: 18.06.2026

Abstrak:

Pendidikan khas di Malaysia bermatlamat memberikan peluang saksama melalui Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), dan Program Pendidikan Inklusif. Walaupun subjek Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) diperkenalkan untuk memperkasakan potensi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), namun sejauh mana elemen keusahawanan diterapkan secara holistik bagi menjamin kebolehpasaran mereka masih kurang diterokai. Terdapat jurang dalam literatur mengenai aplikasi praktikal elemen kompetensi kognitif, interpersonal, dan intrapersonal dalam pengajaran guru KVS yang menentukan hala tuju kerjaya murid. Kajian ini bertujuan untuk meneroka penerapan kemahiran keusahawanan oleh guru kepada MBPK dalam subjek KVS di PPKI sekolah menengah harian, Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk studi kes yang

To cite this document:

Ali, A., Saud, M. S., Rahman, K. A. A., & Mohamad, M. (2026). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Kepada Murid Bekeperluan Pendidikan Khas Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik: Satu Kajian Kes. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(63), 536-553.

DOI: 10.35631/IJEPC.1163032

melibatkan lima orang guru pendidikan khas subjek KVS di dua buah sekolah menengah di daerah Jeli. Peserta kajian dipilih melalui pensampelan bertujuan. Data dikumpul melalui teknik temu bual mendalam, pemerhatian di lapangan, dan analisis dokumen, seterusnya dianalisis secara bertema. Hasil kajian mendedahkan bahawa penerapan kemahiran keusahawanan merangkumi tiga dimensi utama iaitu kompetensi kognitif, interpersonal, dan intrapersonal. Kajian juga mengenal pasti cabaran kritikal dalam pengajaran vokasional serta strategi intervensi yang diambil oleh guru untuk memastikan MBPK menguasai kemahiran tersebut. Kajian ini menyumbang kepada pembangunan model pengajaran vokasional yang lebih komprehensif bagi MBPK dengan mengintegrasikan elemen keusahawanan sebagai pemacu kebolehpasaran. Implikasinya, dapatan ini menjadi panduan kepada pendidik dan penggubal dasar dalam mengoptimumkan potensi sendiri MBPK supaya mereka mampu berdikari, mencipta peluang pekerjaan, dan mencapai kualiti hidup yang lebih bermakna pada masa hadapan.

Kata Kunci:

Kemahiran Keusahawanan, Kemahiran Vokasional Spesifik, Pendidikan Khas

Abstract:

Special education in Malaysia aims to provide equitable opportunities through Special Education Schools, the Special Education Integrated Program (PPKI), and the Inclusive Education Program. Although the Specific Vocational Skills (KVS) subject was introduced to empower Students with Special Educational Needs (SEN), the extent to which entrepreneurial elements are holistically integrated to ensure their employability remains under-explored. There is a notable gap in the literature regarding the practical application of cognitive, interpersonal, and intrapersonal competencies in KVS teaching, which are critical in determining students' career trajectories. This study aims to explore the integration of entrepreneurial skills by teachers for SEN students within the KVS subject at secondary school PPKIs. This qualitative study employed a case study design involving five special education teachers teaching KVS at two secondary schools in the Jeli district. Participants were selected via purposive sampling. Data were collected through in-depth interviews, field observations, and document analysis, and subsequently analysed thematically. The results reveal that the application of entrepreneurial skills encompasses three main dimensions: cognitive, interpersonal, and intrapersonal competencies. The study also identifies critical challenges in vocational instruction and the intervention strategies adopted by teachers to ensure SEN students master these essential skills. This study contributes to the development of a more comprehensive vocational teaching model for SEN students by integrating entrepreneurship as a driver for employability. These findings serve as a guide for educators and policymakers in optimizing the self-potential of SEN students, enabling them to become self-reliant, create job opportunities, and achieve a more meaningful quality of life in the future.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepec@gaexcellence.com

Keyword:

Entrepreneurial Skills, Specific Vocational Skills, Special Education

Pendahuluan

Pendidikan khas di Malaysia direka untuk memenuhi keperluan murid kurang Upaya di mana bagi memastikan mereka turut menerima peluang pendidikan yang setara (Husin et al., 2023). Terdapat tiga pilihan persekolahan yang wujud untuk golongan istimewa ini bagi mendapat pendidikan iaitu di sekolah khusus pendidikan khas, sekolah menengah harian yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan juga sekolah menengah harian yang melaksanakan Program Pendidikan Inklusif sama ada di peringkat prasekolah, pendidikan rendah dan pendidikan menengah (Abdul Wahab & Alias, 2017). Tujuan penubuhan program Pendidikan khas ini adalah bagi memastikan semua murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) berpeluang untuk mendapatkan akses pendidikan yang sesuai dan relevan di samping membantu dalam meningkatkan potensi diri ke arah kualiti hidup yang lebih baik (Pendidikan Khas, 2019). Melalui pendidikan juga, MBPK turut mempunyai peluang bagi mengembangkan bakat dan kemahiran serta mengoptimumkan tahap keupayaan mereka dengan sebaiknya. Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) mula diperkenalkan sejak tahun 2016 di sekolah menengah harian yang menyediakan kelas PPKI. Tujuan utama penerapan KVS adalah untuk membantu MBPK mengembangkan kemahiran teknikal, bakat, dan potensi mereka, serta mempersiapkan mereka untuk pekerjaan di masa depan (Zakaria & Nordin, 2020).

Keusahawanan merupakan salah satu pemacu utama terhadap pertumbuhan ekonomi, inovasi dan pemenuhan keperluan peribadi yang mana telah menyebabkan pembangunan terhadap kemahiran keusahawanan ini menjadi tumpuan penting bagi seseorang individu mahupun organisasi. Selain, keupayaan dalam mengenal pasti dan memberi manfaat kepada peluang perniagaan, menguruskan risiko dan memupuk kreativiti adalah sebahagian komponen penting dalam kejayaan keusahawanan. Menurut Kanaan *et al* (2022), Pendidikan keusahawanan telah muncul sebagai strategi utama bagi memupuk kemahiran keusahawanan yang mana dapat memberi kesan positif terhadap sikap dan niat keusahawan. Dengan menyediakan murid dengan pengetahuan dan alatan yang diperlukan bagi memulakan serta menguruskan perniagaan mereka sendiri, pendidikan keusahawanan mampu membantu menagani, cabaran sosial dan ekonomi di samping memperkasakan individu salam mengawal masa depan profesional mereka (Singh, 2023).

Menurut Mohamed Yusof et al. (2013), keusahawanan merupakan bidang yang sangat penting di Negara ini dan justeru itu Kerajaan bermatlamat untuk menerapkan minat ke arah keusahawanan sejak di bangku sekolah lagi. Berdasarkan kajian ini juga, kemahiran keusahawanan dipupuk melalui pembelajaran KVS dalam kalangan MBPK. Menurut Olufemi *et al.* (2017), individu yang dikategorikan sebagai golongan kurang upaya sering menghadapi halangan untuk mendapatkan pendidikan serta latihan formal di mana-mana institusi disebabkan oleh ketidakupayaan mereka dan dilabel sebagai insan yang tidak berkemampuan. Perkara ini telah menjadi satu benteng kepada mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti keusahawanan sedangkan mereka juga berpotensi untuk menjadi

usahawan yang berjaya kelak. Golongan ini berupaya untuk mendapatkan akses kepada latihan vokasional melalui pembelajaran mata murid KVS disamping kemahiran keusahawanan yang mana dapat membantu membangunkan kemahiran teknikal dan pengurusan yang diperlukan bagi membuka perniagaan sendiri di masa akan datang. Tambahan pula dengan pembelajaran dan latihan yang diberikan melalui KVS ini, ia turut membantu dalam menyemai sikap dan minda keusahawanan di samping memperkukuhkan kapasiti keusahawanan golongan berkeperluan khas. Justeru dengan mengintegrasikan kemahiran keusahawanan dan latihan vokasional melalui mata pelajaran KVS, ia dapat menangani halangan terhadap MBPK khususnya dalam mengakses keperluan ini yang mana dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan membawa perubahan dalam landskap keusahawanan yang pelbagai.

Kajian Literatur

Bidang keusahawanan pada masa kini telah menjadi tumpuan penting terutamanya dalam pendidikan di mana kebanyakan institusi pendidikan pada masa kini lebih menekankan kepada penyediaan latihan keusahawanan dan pembangunan kemahiran (Ullah et al., 2019). Menurut Pauzi et al. (2023), penekanan terhadap penerapan keusahawanan ini adalah kerana didorong oleh pengiktirafan bahawa pemikiran, kebolehan dan kemahiran keusahawanan dapat menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan dan perkembangan ekonomi negara. Perkara ini telah menunjukkan bahawa terdapat satu hubungan yang konsisten antara perkembangan ekonomi dan aktiviti keusahawanan serta kepentingan keusahawanan bagi golongan murid berkeperluan khas (MBK) khususnya sebagai usaha untuk membantu golongan ini mendapat kehidupan yang lebih baik kelak. Selain itu, keusahawanan ini merupakan satu aktiviti yang mempunyai risiko yang tinggi. Demikian itu, adalah penting untuk melengkapkan diri dengan motivasi, kemahiran dan pengetahuan yang khusus yang berupaya membantu dalam meningkatkan keyakinan diri untuk masa hadapan terutamanya dalam kalangan golongan murid berkeperluan khas (MBK) pada ketika ini.

Pendidikan khas di Malaysia telah mengalami anjakan paradigma daripada sekadar penyediaan akses fizikal kepada jaminan kualiti hidup yang mampan (Husin et al., 2023). Abdul Wahab dan Alias (2017) menegaskan bahawa tiga model persekolahan (SPK, PPKI, dan Inklusif) adalah struktur asas, namun keberkesannya diukur melalui tahap kemandirian MBPK selepas tamat sekolah. Walaupun dasar sedia ada (Pendidikan Khas, 2019) menekankan potensi diri, realiti di lapangan menunjukkan bahawa kebolehpasaran kekal menjadi isu sistemik. Hal ini disokong oleh kajian Mohamed et al. (2024) yang mendapati bahawa tanpa kemahiran vokasional yang disulami elemen keusahawanan, MBPK berisiko tinggi untuk kekal dalam kelompok penganggur tegar. Sejak pengenalan KVS pada tahun 2016, fokus utama adalah pada kemahiran teknikal (Zakaria & Nordin, 2020). Walau bagaimanapun, analisis kritikal terhadap trend pendidikan global menunjukkan bahawa kemahiran teknikal tanpa "minda keusahawanan" (entrepreneurial mindset) adalah tidak mencukupi dalam era Ekonomi Gig.

Ullah et al. (2019) dan Pauzi et al. (2023) bersetuju bahawa pembangunan ekonomi negara bergantung kepada keupayaan individu untuk berinovasi. Namun, bagi MBPK, keusahawanan bukan sekadar inovasi, tetapi satu mekanisme pertahanan diri. Ini berbeza dengan pandangan tradisional yang melihat risiko sebagai penghalang bagi golongan OKU, Yusof dan Ahmad (2022) berhujah bahawa pendedahan awal kepada risiko terkawal dalam KVS membina daya tahan (resilience) yang lebih kuat dalam diri MBPK berbanding murid tipikal. Kompetensi keusahawanan tidak boleh dilihat sebagai satu entiti tunggal. Kompetensi keusahawanan tidak

boleh dilihat sebagai satu entiti tunggal, sebaliknya satu set kemahiran yang kompleks. Ini disokong oleh kajian Chen (2022) dan Bakri et al., (2025) dalam kajian integrasi matematik dan sains dalam KVS. Namun menurut Hassan (2023) tahap kognitif MBPK yang pelbagai memerlukan kurikulum yang lebih fleksibel, bukan sekadar integrasi subjek secara literal.

Tambahan pula, kompetensi dalam keusahawanan ini merupakan perkara penting yang perlu ada dalam diri setiap usahawan bagi mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan yang diceburi. Disamping itu, usahawan yang memiliki kompetensi yang lengkap berupaya untuk mencari dan mendapatkan peluang perniagaan yang lebih baik dan cekap dari segi pengurusan yang mana merangkumi kepada sikap, pengetahuan dan kemahiran individu. Selain motivasi juga memainkan peranan penting dalam menghasilkan keusahawanan di semua peringkat. Menurut Abdul Wahab & Alias (2017), motivasi dalam keusahawanan dapat mempengaruhi prestasi seseorang yang lebih cenderung untuk bertahan dalam menghadapi cabaran dan memiliki komitmen yang lebih tinggi untuk berusaha ke arah keusahawanan.

Pendidikan keusahawanan di kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dalam mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) adalah penting untuk membekalkan mereka dengan kemahiran yang dapat meningkatkan kemandirian dan daya saing mereka dalam dunia pekerjaan. Namun, penerapan kemahiran keusahawanan kepada MBPK menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan strategi yang berkesan. Melalui pendidikan keusahawanan contohnya tugas projek, mereka diberi peluang untuk merancang dan melaksanakan idea perniagaan dengan bimbingan guru. Pendekatan ini tidak hanya meningkatkan kemahiran praktikal mereka dalam merancang, mengurus, dan melaksanakan projek, tetapi juga memberi peluang kepada mereka untuk membina keyakinan diri dan kemahiran sosial yang penting. Semasa melaksanakan projek, MBPK belajar untuk bekerjasama dalam kumpulan, berkomunikasi dengan rakan sepasukan, serta menyelesaikan masalah yang timbul sepanjang proses. Ini membantu mereka mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan sebenar. Guru perlu menyediakan panduan yang jelas dan sokongan berterusan sepanjang pelaksanaan projek bagi memastikan kejayaan yang dijalankan oleh MBPK.

Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan menyokong Adalah langkah penting dalam memastikan kejayaan pelajar berkeperluan khas (MBPK) dalam Pendidikan keusahawanan. Persekitaran yang inklusif dapat membantu menghapuskan stigma dan tanggapan negatif yang sering dihadapi oleh pelajar ini, sekali gus meningkatkan keyakinan diri mereka (Husin et al., 2023). Dengan suasana yang mesra dan terbuka, pelajar merasa lebih selamat untuk meneroka idea baharu dan mengambil risiko tanpa takut akan kegagalan atau cemuhan. Sokongan moral dan emosi daripada guru serta rakan sekelas memainkan peranan penting dalam membina keyakinan pelajar, yang seterusnya menggalakkan mereka untuk mencuba pelbagai pendekatan dalam pembelajaran keusahawanan. Oleh itu, membina suasana yang positif adalah asas kepada pembelajaran berkesan, (Zenner et al., 2017).

Selain daripada penilaian yang berfokus kepada kemahiran praktikal, strategi pengajaran yang berfokus pada pengembangan kemahiran sosial dan komunikasi juga perlu diterapkan secara berterusan. Dalam dunia keusahawanan, MBPK perlu dilatih dalam pelbagai kemahiran interpersonal yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan dan kejayaan perniagaan (Mohd Zaid & Mohd Hanafi, 2020). Kemahiran seperti berkomunikasi dengan pelanggan, bekerja dalam pasukan, membuat

keputusan secara kolektif, serta menyelesaikan konflik adalah kemahiran asas yang perlu ada pada setiap usahawan, termasuklah MBPK. Aktiviti kumpulan yang melibatkan simulasi situasi dunia sebenar dapat memberikan latihan yang praktikal dan menyeluruh dalam konteks ini. Kaedah pengajaran ini bukan sahaja menguatkan kemahiran sosial mereka, tetapi juga membolehkan mereka belajar untuk bekerja dalam pasukan, beradaptasi dengan pelbagai peranan, dan menyelesaikan masalah secara kreatif. Oleh itu, dengan penerapan aktiviti kumpulan dan simulasi yang berasaskan situasi dunia sebenar, MBPK dapat dipersiapkan dengan lebih baik untuk menghadapi cabaran dalam dunia keusahawanan, serta membina keyakinan dan kemampuan mereka dalam berinteraksi dengan orang lain (Venesaar, 2021).

Selain itu, integrasi kemahiran keusahawanan dalam pelbagai mata pelajaran merupakan pendekatan yang berkesan untuk memperkukuh pemahaman pelajar berkeperluan khas (MBPK). Dengan menghubungkan konsep keusahawanan kepada beberapa subjek seperti matematik dan sains, pelajar dapat melihat bagaimana kemahiran tersebut digunakan dalam situasi kehidupan sebenar (Lupton, 2010). Sebagai contoh, pengajaran matematik yang melibatkan pengiraan kos, keuntungan, dan pengurusan kewangan dapat memperkenalkan pelajar kepada asas pengurusan perniagaan. Begitu juga, sains boleh digunakan untuk mengajar mereka tentang inovasi produk dan penyelesaian masalah dalam keusahawanan. Pendekatan ini tidak hanya memberikan konteks yang lebih luas dan bermakna, tetapi juga meningkatkan minat pelajar terhadap kedua-dua bidang (Chen, 2022). Integrasi ini seterusnya membantu MBPK mengembangkan pemikiran kritis serta keupayaan menyelesaikan masalah.

Menurut Razak et al. (2021), kemahiran sosial adalah nadi perniagaan. Kajian Smith & Jones (2024) menambah bahawa bagi MBPK, simulasi "dunia sebenar" adalah jauh lebih berkesan berbanding teori bilik darjah dalam membina keyakinan berkomunikasi. Manakala menurut Motivasi adalah faktor penentu (Abdul Wahab & Alias, 2017). Rahman (2026) dalam kajian terbaharunya mendapati bahawa *self-efficacy* (keyakinan diri) MBPK meningkat sebanyak 40% apabila mereka diberi kuasa membuat keputusan dalam projek keusahawanan sekolah. Ini menunjukkan kepentingan keusahawanan dalam membentuk kemahiran intrapersonal di kalangan semua pelajar terutama pelajar berpendidikan khas. Kajian Yusoff et al. (2024) mengesahkan bahawa terdapat kekurangan modul intervensi keusahawanan yang disahkan secara empirikal untuk kegunaan guru PPKI, yang menjadikan kajian ini sangat signifikan sebagai asas pembangunan model masa hadapan

Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif di mana melibatkan penggunaan teknik temu bual sebagai kaedah pengumpulan data (Chua, 2021). Perkara ini turut disokong oleh McCombes (2023) yang menyatakan pendekatan kualitatif melalui kajian kes merupakan satu kaedah yang berkesan dalam pelaksanaan kajian terutamanya apabila menggunakan teknik temu bual sebagai kaedah pengumpulan data. Demikian itu, pendekatan ini dilihat bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan iaitu untuk mengetahui elemen kemahiran keusahawanan yang diterapkan kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) melalui pembelajaran mata pelajaran kemahiran vokasional spesifik (KVS) di sekolah. Penyelidikan kualitatif membawa maksud kepada kaedah penyelidikan yang memfokuskan kepada pemahaman dan tafsiran terhadap pengalaman yang subjektif, perspektif dan bermakna. Penyelidikan ini melibatkan kaedah pengumpulan dan menganalisis data bukan

berangka bagi mendapatkan pandangan tentang fenomena sosial dan budaya yang dikaji. Menurut penulisan Bhandari (2023), tujuan penyelidikan kualitatif ini adalah untuk meneroka fenomena yang kompleks dalam tetapan semula jadi dan membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang konteks serta pelbagai faktor yang mempengaruhinya

Temu bual Separa Berstruktur

Berdasarkan konteks kajian ini, teknik temu bual telah dipilih dalam pelaksanaan kajian di mana ianya melibatkan interaksi secara langsung di antara penyelidik dan responden yang mana dapat membantu dalam membuat penerokaan yang lebih mendalam tentang sesuatu pengalaman, perspektif serta pendapat responden itu sendiri selain bentuk temu bual kebiasaannya akan ditentukan berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian (Othman, 2021). Oleh itu, berdasarkan kepada persoalan dalam kajian ini, jenis temu bual separa berstruktur dilihat bersesuaian dengan sampel yang dijadikan sebagai peserta di mana temu bual separa berstruktur ini membolehkan pengkaji melakukan perbualan secara bebas dengan peserta serta memberi ruang untuk membuat respons secara terbuka di antara kedua pihak. Tambahan pula, temu bual separa berstruktur ini juga dilihat lebih fleksible dan dapat memberi kefahaman yang mendalam mengenai bidang yang sedang dikaji. Menurut Othman (2021), temu bual separa berstruktur ini menggabungkan ciri-ciri yang fleksibiliti temu bual secara terbuka yang mana kebiasaannya soalan-soalan dalam temu bual ini akan ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan tersebut adalah terbuka dan boleh dikembangkan lagi. Selain itu, menurut Berg dan Lune (2021), temu bual separa berstruktur ini mengandungi soalan yang lebih fleksibel yang mana mengandungi satu set soalan utaman sahaja tetapi arah perbualan dengan peserta dapat dibawa ke hadapan. Di samping itu, temu bual separa berstruktur ini juga dapat memberi ruang kepada peserta untuk menyatakan jawapan dengan lebih mendalam dan terperinci serta membuat penerokaan yang mungkin dapat menimbulkan jawapan secara spontan dari diri peserta tanpa di jangka oleh pengkaji.

Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temuduga. Pengkaji dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dikenalpasti melalui pemerhatian. Secara khususnya, peranan pengkaji ialah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar, serta melihat tingkah laku subjek samaada dari jauh atau dari dekat. Selain itu, tingkahlaku ini dilihat mempunyai beberapa kategori antaranya seperti kategori tingkah laku, unit tingkah laku, paras tafsiran pemerhati, generalisasi dan penggunaan serta pensampelan tingkah laku. Kategori-kategori tersebut memperincikan ciri-ciri tingkah laku yang perlu diperhati dan direkodkan. Perancangan yang baik dan teliti perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum ke kaedah pemerhatian. Ini adalah bertujuan untuk memastikan matlamat yang hendak dicapai dapat dicapai dengan jayanya.

Analisis Dokumen

Analisis dokumen dalam kajian ini melibatkan bahan bercetak guru seperti Buku Rekod Mengajar (BRM), Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT), Rancangan Pengajaran Harian (RPH), Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP), buku latihan murid, fail laporan refleksi, fail minit mesyuarat panitia, perancangan strategik peningkatan akademik

sekolah, takwim sekolah dan takwim panitia. Dokumen tersebut dapat dikaji, disemak, dan dianalisis menggunakan borang senarai semak yang disediakan. Seterusnya, maklumat yang diperoleh daripada analisis dokumen disesuaikan dengan dapatan temu bual dan pemerhatian untuk mencari kesepadanan dan ketekalan maklumat berhubung dengan isu atau fenomena kajian (Magdeline Nor, 2014). Maklumat analisis dokumen ini dilaporkan dalam bentuk laporan sebagai rujukan kajian ini. Menurut Merriam (2002), pengumpulan maklumat analisis dokumen membolehkan pengkaji menambah, membanding dan memperkukuhkan data yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian yang dijalankan. Menurut Bryman (2008), serta Bryman (2018), kelebihan menggunakan kaedah analisis dokumen adalah kaedah tersebut membenarkan pengkaji menganalisis nilai dan mengesan 'apa' yang dapat diperoleh daripada sesuatu dokumen yang dianalisis

Pesampelan

Kaedah pensampelan merujuk kepada teknik yang digunapakai dalam memilih subset individu atau sesuatu daripada populasi yang besar bagi tujuan menjalankan kajian mahupun analisis (Chua, 2021). Selain itu, ia juga melibatkan pemilihan sampel perwakilan yang mempunyai ciri-ciri yang menepati kajian yang ingin dilaksanakan. Menurut Othman (2021), pemilihan strategi persampelan adalah bergantung kepada fokus kajian penilaian penyelidik tentang pendekatan yang sesuai untuk menghasilkan pemahaman yang lebih jelas tentang fenomena yang dikaji. Pelaksanaan kajian secara kualitatif tidak menggunakan istilah responden kajian kerana peserta kajian tidak hanya memberikan respons seperti kajian kuantitatif namun mereka akan terlibat secara langsung dalam temu bual, pemerhatian atau analisis dokumen. Demikian itu, perkataan peserta kajian merupakan istilah paling tepat dalam pemilihan sampel melalui kajian kualitatif ini. Berdasarkan konteks kajian ini, pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah dipilih untuk pemilihan peserta kajian yang mana turut disokong oleh penulisan Othman (2021) yang menyatakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) ini bersesuaian untuk memahami dengan lebih baik fenomena yang luar biasa ataupun kes-kes yang menarik dan bermakna.

Tambahan pula, Othman, (2021) turut menyatakan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji adalah dengan cara memilih kelompok manusia secara teliti dan bertujuan. Demikian itu, merujuk kepada pemilihan peserta kajian yang mempunyai ciri atau pengalaman yang khusus berkaitan dengan persoalan kajian, pemilihan kaedah ini dilihat amat menepati tujuan dan objektif kajian yang telah dibangunkan. Di samping itu, pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) turut direka untuk kumpulan yang memiliki maklumat yang mendalam berkaitan dengan topik kajian serta memenuhi ciri-ciri yang diperlukan termasuk kesediaan peserta yang dipilih untuk terlibat dalam kajian (Chua, 2021). Secara keseluruhannya, peserta yang terdiri daripada guru pendidikan khas yang terlibat dengan pengajaran mata pelajaran kemahiran vokasional spesifik (KVS) dipilih berdasarkan kepada teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang mana dilihat bersesuaian dengan tujuan kajian disamping memperoleh pemahaman yang lebih mendalam, Selain itu, menurut Othman (2021) juga jumlah sampel kajian secara kualitatif ini tidak dapat ditentukan pada awal kerana pemilihan sampel dan analisis data adalah berterusan sehingga sampai ke satu tahap dimana tiada lagi maklumat baru ditemui. Oleh itu, pengumpulan data melalui kaedah temu bual berkenaan penerapan kemahiran keusahawanan kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang mempelajari bidang kemahiran vokasional spesifik (KVS) di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Melintang dan Sekolah

Menengah Kebangsaan Kuala Balah akan dihentikan apabila mencapai titik ketepuan data hasil daripada data yang telah dikumpulkan tanpa mengira bilangan sampel.

Kaedah Analisis Data

Melalui pelaksanaan analisis data yang diperolehi, pengkaji berupaya untuk mengenalpasti corak, aliran dan perhubungan yang memberi cerapan tentang persoalan kajian yang di bangunkan (Creswell, 2018). Hal ini secara tidak langsung dapat membantu pengkaji membuat tafsiran yang bermaklumat serta menyumbang kepada sahihan dan kebolehpercayaan terhadap hasil kajian. Selain itu, menurut Othman (2021) juga, pemilihan kaedah analisis yang bersesuaian adalah bergantung kepada persoalan kajian, sifat data yang diperolehi serta kerangka teori yang dipilih sebagai panduan pelaksanaan kajian.

Teknik Pengekodan Data

Proses menganalisis data diteruskan dengan membentuk kategori-kategori maklumat dan menentukan kod bagi setiap kategori. Kod adalah merujuk kepada satu unit perkataan atau istilah yang mempunyai makna tertentu dalam mewakili sesuatu ayat atau perkataan yang berhubung dengan kejadian yang mana dapat difahami. Kod-kod yang dibentuk kemudiannya dihipunkan mengikut kategori yang bersesuaian. Kategori yang telah dibentuk dapat digabungkan atau dilihat perhubungannya sehingga menjadi satu kategori utama yang lebih dikenali sebagai tema. Dalam kajian ini, pengkaji telah menentukan kod terhadap setiap satu item mengikut kategori tertentu bagi membentuk tema-tema yang mana dapat dipadankan dengan persoalan kajian. Tema yang dibentuk kemudiannya dibandingkan di antara dapatan daripada semua peserta kajian bagi melihat hubungan yang timbul di antara kategori, tema ataupun kod-kod yang muncul.

Pelaksanaan teknik pemaparan data ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengkaji dalam membuat analisis data. Tambahan pula, teknik ini turut membantu pengkaji dalam membuat perbandingan, kesimpulan dan mengambil tindakan yang selanjutnya. Berdasarkan kepada konteks kajian ini, pengkaji telah memerihalkan semula perkara yang telah dinyatakan oleh peserta kajian melalui pemaparan data dalam bentuk deskriptif naratif. Selain itu, pemaparan data juga turut disokong oleh petikan verbatim untuk menyokong penjelasan dan huraian yang dinyatakan oleh pengkaji. Semasa proses pemaparan data, pengkaji telah menjelaskan aspek yang mana telah menjadi tumpuan dalam kajian ini iaitu penerapan kemahiran keusahawanan kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) dalam mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) di sekolah. Demikian itu, aspek yang menjadi fokus adalah meliputi elemen kemahiran keusahawanan, cabaran yang dihadapi oleh guru dan strategi yang digunakan dalam menerapkan kemahiran keusahawanan ini kepada MBPK.

Teknik merumuskan data ini melibatkan proses di mana pengkaji telah menentukan kriteria atau tema yang berkaitan dengan konteks kajian. Teknik ini memerlukan pengkaji untuk membuat perhincangan kekerapan kemunculan pola dan tema.

Kemudiannya, pengkaji perlu membuat pengumpulan data mengikut kelompok yang tersendiri. Pola yang sering dan kerap muncul dalam setiap tema dijadikan panduan dalam membuat kesimpulan yang muktamad. Berdasarkan kepada kajian ini, pembentukan kategori dalam satu unit data membolehkan pengkaji untuk menghitung bilangan kemunculan sesuatu tema di samping menentukan kekerapannya. Pola yang muncul dengan lebih kerap hasil

daripada pengkodan dan perhitungannya telah dicatat bagi membentuk tema yang mana dapat digunakan bagi membentuk kesimpulan.

Dapatan Kajian

Elemen-elemen kemahiran keusahawanan yang diterapkan oleh guru kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBK) melalui mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS). Hasil dapatan kajian berdasarkan terdapat lima tema yang muncul bagi menerangkan elemen kemahiran keusahawanan yang diterapkan oleh guru kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) melalui mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) yang mana diperolehi daripada analisis data kajian. Perincian bagi tema tersebut dapat dilihat secara menyeluruh di dalam Jadual 1.0.

Jadual 1.0 Tema Tentang Elemen Kemahiran Keusahawanan

Bil	Elemen Kemahiran Keusahawanan	P1	P2	P3	P4	P5
1	Kemahiran Menyelesaikan Masalah	/	/	/	/	/
2	Kemahiran Pengurusan	x	/	/	x	/
3	Kemahiran Komunikasi.	/	/	/	/	/
4	Kerjasama	/	x	x	/	/
5	Kerja Berpasukan	/	x	x	/	/

Dapatan menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah dan komunikasi mendapat persetujuan 100% (p1-p5). ini menandakan bahawa dalam konteks MBPK, guru melihat kemahiran fungsi eksekutif lebih kritikal berbanding kemahiran teknikal semata-mata. ni selari dengan Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura, di mana pembelajaran berlaku melalui pemerhatian dan interaksi sosial. Komunikasi yang mantap membolehkan MBPK melakukan *modeling* terhadap tingkah laku usahawan berjaya.

Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Penerapan kemahiran menyelesaikan masalah merupakan satu aspek penting dalam keusahawanan yang mana turut dapat diguna pakai dalam kehidupan seharian terutamanya apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan. Mengikut konteks pendidikan, kemahiran menyelesaikan masalah ini melibatkan penggunaan teknik untuk berfikir dengan lebih kreatif dan kritis serta membolehkan pelajar untuk berfikir di luar kotak di samping mencari penyelesaian yang berinovatif. Dapatan kajian mengenai perkara ini dapat dilihat dalam temu bual yang telah dilaksanakan dan dipetik daripada petikan temu bual bersama peserta kajian.

“adalah kebolehan menyelesaikan masalah [...] bagi memastikan MBPK mampu menghadapi setiap cabaran yang wujud dan merangka penyelesaian yang lebih praktikal..”
(P2)

“Kemahiran penyelesaian masalah pun kita terapkan juga dalam KVS ni” (P2)

“kita ajar cara jugak macam mana cara untuk selesaikan masalah” (P3)

“MBPK ni perlu tahu dan belajar macam mana cara nak selesaikan satu-satu masalah tu”
(P3)

“Kemahiran menyelesaikan masalah adalah perkara penting yang perlu dititik beratkan dalam keusahawanan MBPK ni..” (P5)

Hanya P2, P3, dan P5 yang menekankan Kemahiran Pengurusan. Kegagalan P1 dan P4 untuk menerapkan elemen ini secara eksplisit mungkin disebabkan oleh persepsi terhadap tahap kognitif MBPK yang dianggap sukar menguruskan perkara kompleks seperti aliran tunai atau stok. Pengabaian elemen pengurusan boleh menyebabkan MBPK hanya menjadi "pekerja mahir" dan bukannya "usahawan." Keusahawanan menuntut autonomi. Jika MBPK tidak diajar mengurus, mereka akan sentiasa bergantung kepada penyelia. Menurut kajian Mohd Zaid & Mohd Hnafi (2020), literasi kewangan dan pengurusan masa adalah kelemahan utama dalam kurikulum pendidikan khas. Penemuan anda mengukuhkan hujah bahawa kurikulum KVS perlu lebih eksplisit dalam modul pengurusan untuk merapatkan jurang ini.

Kemahiran Pengurusan

Penerapan kemahiran pengurusan dari aspek keusahawanan merupakan perkara penting bagi memastikan kejayaan dan kelancaran sesebuah perniagaan dimana ia merangkumi pelbagai aspek termasuk perancangan, pelaksanaan, pengorganisasian, kewangan, masa dan sebagainya. Berdasarkan konteks keusahawanan, seseorang individu yang bergelar usahawan perlu bijak merancang strategi perniagaan yang berkesan di samping mengenal pasti peluang pasaran yang ada serta menguruskan sumber dengan sebaiknya. Dapatan kajian berkenaan hal ini dapat di kenal pasti dalam temu bual yang telah dilaksanakan dan dipetik daripada petikan temu bual bersama peserta kajian. Terdapat pertindihan yang signifikan antara tema kerjasama dan kerja berpasukan. Peserta kajian (P1, P4, P5) melihat ini sebagai mekanisma sokongan sosial. Ini menyokong Teori Konstruktivisme Vygotsky, melalui kerja berpasukan, MBPK yang mempunyai tahap keupayaan berbeza dapat saling membantu untuk menyelesaikan tugas vokasional yang sukar. Kerjasama ini bukan sekadar tentang menyiapkan tugas, tetapi membina modal insan sosial. Bagi MBPK, sokongan rakan sebaya mengurangkan kegelisahan dalam menghadapi risiko perniagaan.

“kita ajar juga tentang cara nak urus kewangan lah dimana mereka diberi pendedahan kepada kaedah pengiraan kos, cara nak tetapkan harga jualan, pantau pendapatan dan perbelanjaan untuk perniagaan” (P1)

“beri pendedahan juga pada mereka tentang kemahiran pengurusan lah termasuk pengurusan kewangan” (43)

“ajar cara nak urus perniagaan dari awal sampai akhir yang mana termasuk cara nak urus aliran duit, produk dan lain-lain lagi lah” (P5)

Kemahiran Komunikasi

Berdasarkan aspek keusahawanan, kemahiran komunikasi ini memainkan peranan yang sangat penting di mana ia berupaya dalam membantu seseorang usahawan bagi membina hubungan yang baik dengan pelanggan serta berinteraksi bersama rakan kongsi mahupun pekerja. Penerapan kemahiran komunikasi yang efektif ini berupaya untuk membantu usahawan dalam menyampaikan idea serta visi mereka dengan lebih jelas di samping dapat menarik minat pelanggan khususnya. Dapatan kajian berkenaan perkara ini dapat di lihat dalam temu bual yang telah dilaksanakan dan dipetik daripada petikan temu bual bersama peserta kajian.

“..adalah satu keperluan bagi memupuk kemahiran komunikasi dalam kalangan anak-anak MBPK ini” (P1)

“..KVS ni adalah salah satu platform yang digunakan untuk terapkan Kemahiran komunikasi kat mereka.” (P2)

“ nak jadi usahawan yang berjaya sudah tentulah perlu ada kemahiran komunikasi yang mantap. Kalau tak ada kemahiran komunikasi macam mana nak berniaga, nak pasarkan produk kan.” (P3)

“erm kalau tak ada komunikasi macam mana nak berniaga dan tarik pelanggan kan” (P4)

“komunikasi adalah hal yang utama dalam kejayaan keusahawanan ni tak kira siapa pun mereka” (P5)

Kerjasama

Dalam konteks keusahawanan, kerjasama merupakan salah satu aspek yang penting di mana ia dapat membantu dalam membangunkan ekosistem perniagaan yang lebih berdaya saing dan inovatif. Penerapan kerjasama ini dapat dilihat dalam kepelbagaian bentuk termasuk kerjasama sesama usahawan, institusi pendidikan serta agensi kerajaan. Melalui kerjasama yang baik, usahawan dapat berkongsi sumber, pengetahuan dan pengalaman yang mana dapat meningkatkan kecekapan operasi perniagaan khususnya. Dapatan kajian berkenaan perkara ini dapat di kenalpasti dalam temu bual yang telah dilaksanakan dan dipetik daripada petikan temu bual bersama peserta kajian.

“turut menerapkan nilai kerjasama sesama mereka lah” (P1)

“kerjasama tu perlu ada kalau nak dapatkan peluang perniagaan yang lebih baik nanti lah” (P4)

“MBPK ni perlu ada kebolehan untuk bekerjasama dengan baik tak kira dalam apa jua bidang yang diceburi sekali pun” (P5)

Kerja Berpasukan

Kerja berpasukan dalam aspek keusahawanan merupakan elemen penting yang mana dapat membantu meningkatkan keberkesanan dan kejayaan sesebuah perniagaan. Dalam konteks kajian ini, kerja berpasukan berupaya membolehkan seseorang individu yang memiliki pelbagai kemahiran dapat bekerjasama dalam mencapai matlamat bersama khususnya. Selain itu, kerja berpasukan ini juga dikatakan mampu meningkatkan motivasi serta semangat di kalangan murid berkeperluan pendidikan khs (MBPK) khususnya. Dapatan kajian mengenai hal ini dapat diperolehi dalam temu bual yang telah dilaksanakan dan dipetik daripada petikan temu bual bersama peserta kajian.

“Kebolehan bekerja secara berpasukan tu adalah penting untuk pastikan pemasaran hasil produk tu berjaya” (P1)

“berpasukan lagi memudahkan pelaksanaan sebarang tugas yang diberikan lah” (P4)

“kerja berpasukan pun merupakan elemen kemahiran keusahawanan lah yang perlu diterapkan kepada MBPK ni” (P5)

Perbincangan

Pendidikan keusahawanan ini adalah bertujuan untuk melengkapkan MBPK dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan khususnya dalam dunia perniagaan.

Walaupun MBPK ini mempunyai kepelbagai keperluan pendidikan seperti ketidakupayaan pembelajaran mahupun gangguan dari segi perkembangan, namun kemahiran ini dapat meningkatkan kebolehan keusahawanan dalam diri mereka jika Pembangunan kompetensi interpersonal ini diberi perhatian yang sewajarnya. Kompetensi interpersonal dari aspek keusahawanan ini merangkumi pelbagai kemahiran yang diperolehi dalam dapatan kajian yang dilaksanakan yang mana merangkumi kemahiran pengurusan, kemahiran komunikasi, kerjasama, kerja berpasukan dan juga kepercayaan. Kemahiran pengurusan merupakan salah satu elemen dalam Kemahiran keusahawanan khususnya kepada pelajar MBPK ini dari sudut kompetensi interpersonal ini. Menurut Smith (2021), kemahiran pengurusan ini adalah melibatkan keupayaan dalam merancang tugas, menetapkan matlamat, mengutamakan aktiviti serta menguruskan masa dengan lebih bersistematik dan berkesan. Jesteru, dengan pembangunan kemahiran pengurusan yang kukuh, MBPK ini dapat meningkatkan lagi keupayaan mereka dari segi akademik mahupun kebolehan lain di samping meningkatkan lagi potensi diri mereka khususnya dalam pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) di sekolah.

Selain itu dari sudut komunikasi, kemahiran ini adalah amat penting dalam kehidupan seharian khususnya bagi MBPK kerana mereka perlu berinteraksi dengan guru, rakan sebaya mahupun individu lain yang ada dalam persekitaran kehidupan mereka. Kemahiran komunikasi yang baik dan berkesan mampu membantu pelajar dalam meluahkan fikiran serta idea mereka dengan lebih jelas, dapat mendengar secara aktif serta melibatkan diri dalam sebarang perbualan yang bermakna (Johnson, 2019). Demikian itu, dengan peningkatan kemahiran komunikasi, MBPK ini dapat membina hubungan yang lebih positif dengan individu lain secara amnya di samping dapat membantu dalam membina kerjaya keusahawanan yang lebih baik dan bermakna mengikut matlamat yang telah ditetapkan. Seterusnya adalah kerjasama dan kerja berpasukan. Dua perkara ini turut ditekankan dalam penerapan kemahiran keusahawanan kepada MBPK yang mana dapat dilihat dalam dapatan kajian yang telah dijalankan terutamanya dalam konteks pembelajaran mata pelajaran KVS di sekolah. Menurut Smith (2021), kemahiran seperti ini diperlukan yang mana ia melibatkan keupayaan untuk bekerjasama dengan individu lain, berkongsi tanggungjawab serta menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama. Oleh itu, dengan adanya kerjasama dan kemahiran kerja berpasukan yang kukuh, pelajar MBPK ini dapat meningkatkan kemahiran sosial diri mereka di samping membina semangat kemasyarakatan yang sewajarnya sama ada semasa berada di sekolah mahupun di luar kawasan sekolah. Di samping itu kepercayaan dalam konteks kemahiran keusahawanan ini ialah efikasi sendiri di mana merujuk kepada kepercayaan individu terhadap keupayaan diri mereka untuk berjaya melaksanakan tugas tertentu dalam usaha mencapai matlamat yang sepatutnya (Dweck, 2016). Bagi golongan MBPK, membina efikasi sendiri dalam kemahiran keusahawanan ini dapat menjadi satu platform yang berkuasa dalam mengatasi cabaran serta mencapai kejayaan. Dengan memupuk kepercayaan terhadap kebolehan diri mereka sendiri, MBPK secara tidak langsung dapat membangunkan keyakinan diri dan motivasi yang mana diperlukan dalam mengejar peluang keusahawanan.

Perkara ini turut disokong oleh kajian Smith et al. (2018) yang mendapati bahawa pelajar yang mengambil bahagian dalam program keusahawanan menunjukkan peningkatan dari segi keyakinan dalam interaksi sosial, Kemahiran komunikasi yang lebih baik dan peningkatan terhadap keupayaan mereka untuk bekerja dalam pasukan. Tambahan pula Johnson dan Lee (2019) menjelaskan bahawa pendidikan keusahawanan terhadap MBPK bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran interpersonal tetapi juga memupuk rasa berdaya di mana mereka

yang menerima latihan keusahawanan akan lebih bersedia untuk mengambil inisiatif, berkomunikasi secara berkesan serta berkerjasama dengan individu lain. Demikian itu, ini menunjukkan kepentingan dalam menggabungkan kemahiran keusahawanan ke dalam pendidikan MBPK bagi meningkatkan lagi kompetensi interpersonal mereka khususnya dalam pembelajaran mata pelajaran KVS

Kesimpulan dan Cadangan

Elemen-elemen kemahiran keusahawanan yang diterapkan oleh guru kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) melalui mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS). Dalam pada perkembangan dunia semakin pesat, keperluan untuk memupuk dan menerapkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar khususnya termasuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ini telah menjadi satu keutamaan dan aspek penting untuk dititik beratkan pada masa kini (Peschl et al., 2020). Justeru, para pendidik khususnya memainkan peranan yang penting dalam usaha ini kerana mereka berupaya untuk memanfaatkan mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) bagi memupuk minda serta kebolehan keusahawanan dalam diri pelajar terutamanya MBPK. Berdasarkan kepada dapatan kajian, terdapat lima kemahiran keusahawanan yang telah dikenalpasti hasil daripada analisis data kajian yang telah diperolehi yang mana merangkumi kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pengurusan, kemahiran komunikasi, Kerjasama dan juga kerja berpasukan. Kemahiran-kemahiran seperti ini adalah sangat penting untuk pelajar MBPK khususnya bagi memastikan mereka dapat mencapai potensi penuh diri mereka terutamanya dalam bidang keusahawanan di samping dapat menggunakannya dalam kehidupan seharian. Hasil dapatan kajian berkenaan elemen keusahawanan yang diterapkan oleh guru kepada MBPK dalam mata pelajaran KVS ini turut disokong oleh beberapa kajian yang lepas.

Menurut Brown (2020), kemahiran menyelesaikan masalah ini adalah penting bagi MBPK khususnya sebagai persediaan kepada mereka dalam mengharungi pelbagai cabaran sama ada dari segi pembelajaran mahupun kehidupan peribadi mereka. Selain itu, kemahiran seperti ini membolehkan pelajar untuk menganalisis sebarang situasi, mengenalpasti masalah dan merancang satu penyelesaian yang berkesan. Oleh itu, dengan menerapkan kemahiran menyelesaikan masalah yang sewajarnya, MBPK ini berupaya untuk lebih berdikari serta yakin akan kebolehan diri mereka untuk mengatasi sebarang halangan yang wujud di hadapan mereka. Seterusnya, kemahiran pengurusan juga merupakan salah satu elemen dalam kemahiran keusahawanan khususnya kepada pelajar MBPK ini. Menurut Smith (2021), kemahiran pengurusan ini adalah melibatkan keupayaan dalam merancang tugas, menetapkan matlamat, mengutamakan aktiviti serta menguruskan masa dengan lebih bersistematik dan berkesan.

Justeru, dengan pembangunan kemahiran pengurusan yang kukuh, MBPK ini dapat meningkatkan keupayaan mereka dari segi akademik mahupun kebolehan lain di samping meningkatkan lagi potensi diri mereka khususnya. Selain itu dari sudut komunikasi, kemahiran ini adalah amat penting dalam kehidupan seharian khususnya bagi pelajar MBPK kerana mereka perlu berinteraksi dengan guru, rakan sebaya mahupun individu lain yang ada dalam persekitaran kehidupan mereka. Kemahiran komunikasi yang baik dan berkesan mampu membantu pelajar dalam meluahkan fikiran serta idea mereka dengan lebih jelas, dapat mendengar secara aktif serta melibatkan diri dalam sebarang perbualan yang bermakna (Johnson, 2019). Demikian itu, dengan peningkatan kemahiran komunikasi, MBPK ini dapat membina hubungan yang lebih positif dengan individu lain secara amnya.

Akhir sekali ialah kerjasama dan kerja berpasukan. Dua perkara ini turut ditekankan dalam penerapan kemahiran keusahawanan kepada MBPK yang mana dapat dilihat dalam dapatan kajian yang telah dijalankan. Menurut Smith (2021), kemahiran seperti ini diperlukan yang mana ia melibatkan keupayaan untuk bekerjasama dengan individu lain, berkongsi tanggungjawab serta menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama. Oleh itu, dengan adanya kerjasama dan kemahiran kerja berpasukan yang kukuh, pelajar MBPK ini dapat meningkatkan kemahiran sosial diri mereka di samping membina semangat kemasyarakatan yang sewajarnya. Oleh itu, kajian kemahiran keusahawanan dalam kalangan MBPK ini dilihat sebagai satu perkara yang penting dalam membangunkan potensi diri dan membantu mereka mencipta kejayaan di masa hadapan. Jesteru, dengan memberi tumpuan kepada penerapan elemen kemahiran keusahawanan seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pengurusan, kemahiran komunikasi, kerjasama dan kerja berpasukan, pendidik berupaya untuk membantu pelajar MBPK ini mengembangkan potensi penuh diri mereka dan berkembang maju dalam pelbagai aspek kehidupan mereka.

-
- Penghargaan:** Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, bimbingan dan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini khasnya kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Melintang (SMKBM) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Balah (SMKKB) yang telah diberikan dalam menjalankan kajian ini.
- Penyataan
Pembiayaan:** Kajian ini tidak sebarang bantuan dana kewangan.
- Pernyataan Konflik
Kepentingan:** Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)
- Pernyataan Etika:** Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Persetujuan bermaklumat telah diperolehi daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
- Pernyataan
Sumbangan Penulis:** Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Muhamad Sukri Saud bertanggungjawab terhadap pengkonsep, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Khairul Anuar mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Marlina Mohamad menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.
-

Rujukan

- Abdul Wahab, A. Z., & Alias, A. (2017). Kolaborasi guru pendidikan khas dan industri dalam menjalankan program transisi kerjaya murid berkeperluan khas. *Proceedings International Conference on Special Education*, 2, 520–529.
- Abdullah, Z., & Rani, M. (2025). *School-based enterprises: A new model for inclusive entrepreneurship*.
- Bakri, M., et al. (2025). STEM and entrepreneurship: A transdisciplinary approach in special education. *Journal of Special Education Technology*
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Berg, B. L., & Lune, H. (2021). *Qualitative research methods for the social sciences* (9th ed.). Pearson.
- Bhandari, P. (2023, June 22). *What is qualitative research? | Methods & examples*. Scribbr. <https://www.scribbr.com/methodology/qualitative-research/>
- Brown, A., & Johnson, L. (2020). *Entrepreneurial skills for students with special needs: A comprehensive guide*. Routledge.
- Bryman, A. (2008). Methods and methodology, qualitative research in organizations and management: An international journal. *Qualitative Research in Organizations and Management*, 3(2), 159–168. <https://doi.org/10.1108/17465640810900507>
- Chen, B., Liu, Y., & Zheng, J. (2022). Using data mining approach for student satisfaction with teaching quality in high vocation education. *Frontiers in Psychology*, 12, Article 746558. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.746558>
- Chu, Y., & Zhang, L. (2015). Are our special education students ready for work? An investigation of the teaching of job-related social skills in Northern Taiwan. *International Journal of Disability, Development and Education*, 62(6), 628–643. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2015.1077935>
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah penyelidikan* (4th ed.). McGraw-Hill.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Hassan, S. (2023). *Cognitive load theory in vocational teaching for learners with learning disabilities*.
- Husin, M., Rahmat, A., Rosle, A., Hassan, F., Nawli, F., Abiraham, M., Rahman, N., Razman, N., Khairulnauar, N., Basari, N., Suhaili, U., & Malik, S. (2023). Strategi dan teknik PdPC bagi mengendalikan murid berkeperluan khas ketidakupayaan pendengaran dalam pendidikan inklusif. *Journal of Humanities and Social Sciences (JHASS)*, 5(2), 75–87. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0502.550>
- Ismail, M. H., et al. (2023). Resource management challenges in rural vocational special education. *Journal of Vocational Education*.
- Johnson, B. (2019). Enhancing cognitive competence through entrepreneurship education for students with special educational needs. *Special Education Research Quarterly*, 12(3), 78–91.
- Kanaan, J. A., Alabdullah, T. T. Y., Ahmed, E. R., & Ayyasamy, R. K. (2022). Firm performance and the impact of entrepreneurial education and entrepreneurial competencies. *Business Ethics and Leadership*, 6(2), 68–77. [https://doi.org/10.21272/bel.6\(2\).68-77.2022](https://doi.org/10.21272/bel.6(2).68-77.2022)
- Lupton, R., Thrupp, M., & Brown, C. (2010). Special educational needs: A contextualised perspective. *British Journal of Educational Studies*, 58(3), 267–284. <https://doi.org/10.1080/00071005.2010.500607>

- Magdeline Nor. (2014). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Iban. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 593–608.
- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. Jossey-Bass.
- Mohamed, A. R., et al. (2024). Employability trends for SEN students in Malaysia: A decadal review. *Malaysian Journal of Special Education*.
- Mohd Zaid, M. S., & Mohd Hanafi, M. Y. (2020). Penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan murid berkeperluan khas (MBK) melalui program transisi kerjaya. *Journal of Quality Education*, 1(1), 45–58.
- Olufemi, A. M., Favour, J. T., & Olaosebikan, O. A. (2017). Efficacy of vocational training as an integral part of entrepreneurship education as a transition programme for persons with intellectual disability in Oyo State. *International Journal of Advanced Research*, 5(12), 663–669.
- Othman Lebar. (2021). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman, H., Sarpan, S., Mutalib, N., Rohanai, R., Zain, E., & Hassan, W. (2022). The effectiveness of vocational teacher training program in enhancing communication skills among prospective vocational teachers. *Journal of Engineering Education Transformations*, 35(Special Issue 2), 218–223.
- Pauzi, N. F. M., Shamsudin, A., Ahmad, K., Zazili, A. S. A., Mustafa, M. A., & Jailani, J. (2023). Exploring entrepreneurial interests and traits among undergraduate students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(9).
- Peschl, H., Deng, C., & Larson, N. (2020). Entrepreneurial thinking: A signature pedagogy for an uncertain 21st century. *The International Journal of Management Education*, 19(1), Article 100427. <https://doi.org/10.1016/j.ijme.2020.100427>
- Rahman, F. (2026). *Self-efficacy and entrepreneurial intentions: A longitudinal study of PPKI students*.
- Razak, N. A., et al. (2021). Interpersonal competencies among special needs students in vocational streams. *Journal of Vocational Rehabilitation*.
- Smith, J., & Jones, L. (2024). *Social skills simulation: Beyond the classroom for neurodivergent entrepreneurs*.
- Smith, J. K., & Jones, L. M. (2021). *Supporting students with special educational needs: A guide for educators*. Academic Press.
- Ullah, N., Shakir, M., & Zafar, J. M. (2019). Correlation of students' self-efficacy, adaptability and entrepreneurial intention. *Journal of Business and Social Review in Emerging Economies*, 4(3), 140–147.
- Venesaar, U., Malleus, E., Arro, G., & Toding, M. (2021). Entrepreneurship competence model for supporting learners development at all educational levels. *Administrative Sciences*, 12(1), Article 2. <https://doi.org/10.3390/admsci12010002>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Yusof, R., & Ahmad, B. (2022). Risk perception and resilience in special needs entrepreneurial education. *Journal of Inclusive Education*.
- Yusoff, N., et al. (2024). Developing entrepreneurial modules for teachers in special education integrated programs. *Educational Action Research*.
- Zakaria, A., & Nordin, N. (2020). Attitude and self-efficacy and its relationships with entrepreneur intention among undergraduate students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(14).

Zenner, L., Kothandaraman, K., & Pilz, M. (2017). Entrepreneurship education at Indian Industrial Training Institutes – A case study of the prescribed, adopted and enacted curriculum in and around Bangalore. *International Journal for Research in Vocational Education and Training*, 4(1), 1–24. <https://doi.org/10.13152/IJRVET.4.1.1>